| Headline | ASEP didik belia peka isu alam sekitar | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 69,985 |
| Page No | 67 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 514 cm² |
| Journalist | Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak | AdValue | RM 17,718 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 53,154 |



# ASEP didik belia peka isu alam sekitar

Mahasiswa dari 9 negara ambil bahagian kaji hutan hujan tropika

**Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak**
meor.ahmad@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Buat julung kalinya, Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun menganjurkan Asian Students Environmental Platform (ASEP) Ke-7 2018 di negara ini, sebagai usaha mendidik generasi muda lebih peka terhadap alam sekitar.

Program yang dilancarkan pada 2012 itu memberi peluang kepada mahasiswa dari beberapa negara di Asia mengikuti pelbagai aktiviti akademik atau khidmat komuniti khusus bagi menangani isu alam sekitar.

Pengarah Eksekutif Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun, Naoki Hayashi, berkata pihaknya terus komited melaksanakan aktiviti berbentuk kelestarian alam bagi memastikan keharmonian dan kebajikan generasi masa depan.

"Seramai 72 pelajar universiti dari sembilan negara akan menjalankan kerja lapangan dengan bertema-

Powered by: iSENTIA

| Headline | ASEP didik belia peka isu alam sekitar | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 69,985 |
| Page No | 67 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 514 cm² |
| Journalist | Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak | AdValue | RM 17,718 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 53,154 |

kan 'Hadiah dari Hutan Hujan Tropika' yang akan diadakan di sini (Malaysia).

**Diberi tugasan**

"Melalui kerja lapangan, pelajar akan berbincang mengenai masalah alam sekitar dan ekologi hutan hujan tropika, selain mengkaji ciri-ciri hutan tropika serta meningkat pemahaman mereka berhubung usaha yang dilakukan untuk menjaga alam semula jadi," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian ASEP Ke-7 2018 di Universiti Malaya (UM), di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Madya Dr Ramzah Dambul; Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UM, Prof Dr Faisal Rafiq Mahamad Adikan dan Men-




**Info**

→ **UM** adalah satu-satunya wakil Malaysia ke ASEP sejak 2014.

→ **ASEP** dilaksanakan di Beijing, China (2014), Hanoi, Vietnam (2015), Waseda University, Tokyo (2016 & 2017)

***Naoki Hayashi (tengah)*** *dan Faisal (empat kiri) bersama-sama mahasiswa dari sembilan negara yang mengadakan lawatan di UM, baru-baru ini.*

Powered by: iSENTIA

| Headline | ASEP didik belia peka isu alam sekitar | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 08 Aug 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 69,985 |
| Page No | 67 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 514 cm² |
| Journalist | Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak | AdValue | RM 17,718 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 53,154 |

teri Kaunselor, Kedutaan Jepun di Malaysia, Hiroyuki Orikasa.

Pada program berkenaan, peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dari pelbagai negara dan diberikan tugasan tertentu untuk disiapkan.

**Promosi UM**

Tugasan itu sekali gus memberi peluang kepada mereka berinteraksi secara intelektual bagi menyelesaikan isu alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang lima hari itu adalah berbincang bersama pakar penyelidik alam sekitar, penanaman pokok, kerja lapangan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), melawat kawasan bakau dan kampung budaya serta membuat pembentangan.

Sementara itu, Dr Faisal Rafiq, berkata penganjuran ASEP di UM sebagai tuan rumah dapat mempromosi UM dan Malaysia di pentas antarabangsa.

"Selain menyediakan kemudahan seperti pengangkutan dan penginapan yang ditaja Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun untuk pelajar, kampus UM juga sentiasa terbuka untuk peserta melawat tempat menarik seperti Rimba Ilmu dan penternakan ikan," katanya.

Powered by: iSENTIA